



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

PERINTAH PERKHIDMATAN BOMBA (PREMIS DITETAPKAN) 1998

[P.U. (A) 276/1998]

Sebagaimana pada 1 April 2023

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
2023

PERINTAH PERKHIDMATAN BOMBA
(PREMIS DITETAPKAN) 1998

Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	23 Julai 1998
Tarikh permulaan kuat kuasa	23 Julai 1998
Kali terakhir dipinda melalui P.U. (A) 289/2020 yang mula berkuat kuasa pada	1 Oktober 2020

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

<i>Cetakan Semula Yang Pertama</i>	2009
------------------------------------	-----	-----	-----	-----	------

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988****PERINTAH PERKHIDMATAN BOMBA
(PREMIS DITETAPKAN) 1998**

SUSUNAN PERINTAH

Perintah

1. Nama
2. Premis ditetapkan
3. Penyampaian penggeraan automatik

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

PERINTAH PERKHIDMATAN BOMBA (PREMIS DITETAPKAN) 1998

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 27 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [*Akta 341*], Ketua Pengarah membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 1998**.

Premis ditetapkan

2. Ketua Pengarah telah menentukan bahawa premis, yang penggunaan, saiz dan tempatnya dinyatakan dalam Jadual hendaklah menjadi premis ditetapkan bagi maksud pengeluaran perakuan bomba di bawah Akta.

Penyampaian penggeraan automatik

3. Semua premis ditetapkan hendaklah disambung secara elektrik atau melalui telefon ke balai bomba yang terdekat dengan memirau papan suis untuk mengadakan penyampaian penggeraan dengan serta-merta dan secara automatik dalam hal kecemasan.

JADUAL

PREMIS DITETAPKAN

<i>Premis yang Ditetapkan Mengikut Kegunaan</i>	<i>Saiz</i>	<i>Tempat</i>
1. Perpustakaan	2000 meter persegi dan lebih (jumlah keluasan lantai)	Seluruh Malaysia
2. Hospital dan kediaman perawatan	(i) 2000 meter persegi dan lebih (jumlah keluasan lantai) (ii) 5 tingkat dan ke atas	Seluruh Malaysia
3. Hotel	(i) Koridor terbuka – 100 bilik dan lebih bagi setiap blok (ii) Reka bentuk lain— (a) 2 tingkat hingga 3 tingkat dengan 101 bilik dan lebih (b) 4 tingkat dan ke atas dengan 51 bilik dan lebih	Seluruh Malaysia
4. Asrama dan dormitori	(i) Koridor terbuka – 10 tingkat dan ke atas atau 5000 meter persegi dan lebih (jumlah keluasan lantai) (ii) Reka bentuk lain – 6 tingkat dan ke atas atau 3000 meter persegi dan lebih (jumlah keluasan lantai)	Seluruh Malaysia
5. Pejabat	Ketinggian 30 meter dan ke atas atau 10,000 meter persegi dan lebih (jumlah keluasan lantai)	Seluruh Malaysia
6. Kedai	3000 meter persegi dan lebih (jumlah keluasan lantai)	Seluruh Malaysia

Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) 7

<i>Premis yang Ditetapkan Mengikut Kegunaan</i>	<i>Saiz</i>	<i>Tempat</i>
7. Kilang	(i) 1 tingkat – 2000 meter persegi dan lebih (jumlah keluasan lantai) yang dipasang dengan sistem pemercik automatik (ii) 2 tingkat dan ke atas – 2000 meter persegi dan lebih (jumlah keluasan lantai) yang dipasang dengan sistem pemercik automatik (iii) Struktur khas – Proses berbahaya	Seluruh Malaysia
8. Tempat Perhimpunan	(i) Bangunan di bawah aras laluan keluar 1000 meter persegi dan lebih (jumlah keluasan lantai) (ii) Tempat perhimpunan 2000 meter persegi dan lebih (jumlah keluasan lantai)	Seluruh Malaysia
9. Storan dan am	(i) Tempat letak kereta bawah tanah 2000 meter persegi dan lebih (jumlah keluasan lantai) yang dipasang dengan sistem pemercik automatik (ii) 1000 meter persegi dan lebih (jumlah keluasan lantai) atau 7000 meter padu dan lebih, yang dipasang dengan sistem pemercik automatik	Seluruh Malaysia

Dibuat 9 Julai 1998
[KPKT (S) 01/840/1(A); PN(PU²) 471/II]

DATO' SOH CHAI HOCK
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988****PERINTAH PERKHIDMATAN BOMBA
(PREMIS DITETAPKAN) 1998****SENARAI PINDAAN**

Undang-Undang yang meminda	Nama	Berkuat kuasa dari
P.U. (A) 289/2020	Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) (Pindaan) 2020	01-10-2020

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988****PERINTAH PERKHIDMATAN BOMBA
(PREMIS DITETAPKAN) 1998****SENARAI PERINTAH YANG DIPINDA**

Perintah	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Jadual	P.U. (A) 289/2020	01-10-2020
